

**PERMOHONAN ADALAH DIPELAWA DARIPADA WARGANEGARA MALAYSIA
YANG BERKELAYAKAN UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN BERIKUT :-**

Jawatan	: TIMBALAN PENGARAH KLINIKAL (SURGIKAL), PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
Klasifikasi	: Perubatan dan Kesihatan
Taraf Jawatan	: Tetap /Peminjaman
Tempoh	: Dua (2) tahun
Kaedah Pengisian	: (1) Pemilihan Jawatakuasa Khas bagi staf lantikan PPUM sahaja ; atau (2) Kenaikan Pangkat bagi staf lantikan PPUM sahaja ; atau (3) Peminjaman bagi pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan atau Perkhidmatan Awam Negeri atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan.
Faedah & Kemudahan	Calon yang berjaya akan menikmati semua faedah dan kemudahan yang diperuntukan di gred jawatan tersebut.

Syarat Lantikan :

- (1) Warganegara Malaysia;
- (2) Memiliki kelayakan ijazah dalam ilmu perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia;
- (3) Memiliki kepakaran dalam mana-mana bidang perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- (4) Mempunyai pengetahuan dan berpengalaman dalam bidang pentadbiran;
- (5) Mempunyai pengetahuan dan berpengalaman luas dalam pengurusan perkhidmatan perubatan;
- (6) Mempunyai pengetahuan dan berpengalaman dalam pengurusan sumber manusia dan pengurusan kewangan;
- (7) Berpengalaman dalam pengurusan projek pembangunan dan infrastruktur;
- (8) Mempunyai pengetahuan dan berkemahiran dalam bidang teknologi maklumat; dan
- (9) Berpengalaman dalam Pengurusan Perkhidmatan Surgikal dan Perkhidmatan Kritikal.

Syarat Khusus (Untuk Lantikan Pemilihan Jawatankuasa Khas Bagi Staf Lantikan PPUM Sahaja):

- (1) Pegawai yang dilantik secara tetap dan disahkan dalam perkhidmatan;
- (2) Pegawai yang sedang menyandang jawatan sebagai Pegawai Perubatan Gred Khas C;
- (3) Memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
- (4) Mencapai markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan 80% dan ke atas bagi tempoh genap tiga (3) tahun berturut-turut dalam gred jawatan terkini; dan
- (5) Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib.

Syarat Khusus (Untuk Kenaikan Pangkat Bagi Staf Lantikan PPUM Sahaja) :

- (1) Pegawai yang dilantik secara tetap dan disahkan dalam perkhidmatan;
- (2) Pegawai Perubatan Gred Pakar UD55/56 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya;
- (3) Memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
- (4) Diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;
- (5) Mencapai markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan 85% dan ke atas bagi tempoh genap tiga (3) tahun berturut-turut dalam gred jawatan terkini; dan
- (6) Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib.

Syarat Khusus (Untuk Lantikan Secara Peminjaman Sahaja) :

- (1) Pegawai yang dilantik secara tetap dan disahkan dalam perkhidmatan;
- (2) Berumur kurang dari 55 tahun pada tarikh peminjaman;
- (3) Memenuhi syarat lantikan yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan yang berkuatkuasa di gred jawatan peminjaman;
- (4) Mencapai markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan 80% dan ke atas bagi tempoh genap tiga (3) tahun berturut-turut dalam gred jawatan terkini; dan
- (5) Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib.

KAEDAH PERMOHONAN

Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan permohonan rasmi beserta dokumen seperti berikut:

- (1) Mengisi *Leadership Curriculum Vitae* (Seperti format di lampiran); dan
- (2) Ringkasan **perancangan dan pelaksanaan strategi** untuk portfolio jawatan sekiranya berjaya dilantik ke jawatan yang diiklankan (dalam format PDF; **maksimum 5 muka surat**). Ringkasan perancangan dan pelaksanaan strategi ini hendaklah disediakan dengan berpandukan kepada skop tugas yang telah diperincikan berdasarkan kompetensi dan keperluan jawatan.

Permohonan yang lengkap (*hard/soft copy*) hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

Puan Rumiza Ahmad

Pengarah

Pusat Pengurusan Organisasi & Governan, Portfolio Pendaftar

Aras 3, Canseleri

Universiti Malaya

50603, Kuala Lumpur, Malaysia

No. Tel. : +603-7967 3254 / 3478 / 7855

E-mel : ppog_pelantikan@um.edu.my

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 21 JULAI 2025 (ISNIN)

PERTANYAAN DAN PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Puan Junainah binti Jamaluddin

Penolong Pendaftar Kanan, Pusat Pengurusan Organisasi & Governan

No. Tel. : +603-7967 3254 / 3478 / 7855

E-mel : ppog_pelantikan@um.edu.my